



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTRA)**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (mana yang berkaitan), Sijil Kementerian Kewangan Malaysia mengikut kod bidang yang berkaitan dan Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) (Permit IPA JENIS D atau E-Pembentungan yang masih tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-**

| <b>NO. TENDER</b>                 | <b>PERIHAL KERJA</b>  | <b>HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL</b>                | <b>SYARAT PENDAFTARAN</b>   |
|-----------------------------------|---|---|---|
| MBJB/K/11/2016<br>(Tender Semula) | <p>Kerja-Kerja membekal, memasang dan membaikpulih peralatan mekanikal dan elektrik serta kerja-kerja berkaitan di loji rawatan kumbahan Plentong, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 25.4.2016 (Isnin) &amp; Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Saliran &amp; Pengurusan Sungai, Jabatan Kejuruteraan, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru Johor.</p> <p>Jam : 9.30 pagi</p> <p>Tarikh Tutup Tender : 16.5.2016(Isnin)</p> <p>Jam : 12.00 tengahari</p> <p>No. Fail : MBB/U/2014/09/PRO/D/42</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p> | <p>RM300.00</p> <p>25.4.2016<br/>hingga<br/>10.5.2016</p> | <p>Gred : G3<br/>Kategori: ME<br/>Pengkhususan: M15<br/>ATAU<br/>130301 (Sistem Kumbahan) dan Berdaftar Dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)(Permit IPA Jenis D atau E)-Pembentungan<br/><b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB DIBENARKAN HADIR KE TAKLIMAT DI PEJABAT/ LAWATAN TAPAK</b></p> |

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Berkenaan** semasa waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 18.4.2016(Isnin)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu ***www.mbjb.gov.my***
3. Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No. 6), Aras Bawah, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai **tarikh yang ditetapkan di atas** .
4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN menghadiri taklimat di pejabat dan lawatan tapak (mana berkaitan)** di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya **PENENDER (Penama dalam Sijil CIDB) dan (Penama dalam Sijil KKM) SAHAJA DIBENARKAN** hadir ke taklimat di pejabat **DAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat.
5. Penender diwajibkan untuk mendaftar secara dalam talian menggunakan sistem I-perolehan sebelum/pada hari taklimat diadakan melalui laman sesawang <http://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>.
6. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara Tunai atau Wang Pos di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sebagai bayaran Dokumen Tender.
7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil **ASAL** berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:
  - 7.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB; dan
  - 7.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB; dan
  - 7.3 Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK; dan
  - 7.4 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
  - 7.5 Sijil Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan taraf Bumiputra serta berdaftar dengan
  - 7.6 Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta salinan fotokopi dokumen pendaftaran tersebut hendaklah diserahkan untuk simpanan Majlis,
8. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **16.5.2016 (Isnin)**.

9. Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan Ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum **12.00 tengahari pada tarikh tutup** yang di ditetapkan di atas.

10. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

**(HAJI A.RAHIM BIN HAJI NIN)**

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.

9/F1/Inz/BK/Jan tender 2015